

Bil. S 28

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggal 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2018

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pengisytiharan tempat terkawal
3. Pihak berkuasa
4. Pindaan P1 dari Penggal 147

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggai 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2018

Pada menjalankan kuasa yang telah diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2018 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengisytiharan tempat terkawal

2. Tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual di bawah ini, yang diperihalkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak berkuasa

3. Pihak-pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual di bawah ini adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

Pindaan P1 dari Penggal 147

4. Jadual kepada Perintah Tempat Terkawal (Penyatuan) adalah dipinda dengan memotong butiran 20.

JADUAL
(perenggan-perenggan 2 dan 3)

<i>Tempat</i>	<i>Nombor Pelan</i>	<i>Pihak Berkuasa</i>
Unit Tahanan dan Pemulihan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Jabatan Perdana Menteri	GT120003BM	Pengarah Keselamatan Dalam Negeri
Bangunan dan kawasan Jabatan Perdana Menteri Kampung Melabau Mukim Kianggeh Daerah Brunei Muara	GT160001BM	Setiausaha Tetap kepada Jabatan Perdana Menteri

Bertarikh pada hari ini 15 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 2 haribulan April, 2018.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA
(DR.) HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.